



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 (64) 07/07

**TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN SANTUNI VETERAN ANGKATAN
TENTERA MALAYSIA DALAM PROGRAM PEDULI VETERAN
DI SEKITAR NEGERI KELANTAN**

KELANTAN, 17 Julai 2023 - YB Adly bin Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan hari ini telah melaksanakan Program Peduli Veteran (PPV) di sekitar Negeri Kelantan yang turut diiringi oleh Ketua Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Mej Jen Zambery Jefry bin Haji Darus dan Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Kelantan dan Terengganu, Mej Syed Mohd Ifandi bin Syed Jaafar.

Dalam program PPV kali ini, YB Adly telah meluangkan masa menyantuni veteran-veteran ATM di sekitar Tanah Merah, Kota Bharu dan Pasir Puteh. PPV yang dilaksanakan ini merangkumi lawatan kebajikan ke atas veteran ATM serta waris tanggungan yang mengalami sakit kritikal serta memerlukan rawatan. Lawatan kebajikan YB Timbalan Menteri Pertahanan kali ini dimulai dengan mengunjungi Encik Lee Kee Liang berusia 82 tahun dari Kampung Belimbing, Tanah Merah yang merupakan veteran Tentera Udara Diraja Malaysia tidak berpencen berpangkat Laskar Udara. Veteran mempunyai dua (2) orang anak hasil perkongsian hidup bersama isterinya, Puan Soon Siew Ho. Beliau yang menghidap sakit jantung dan tulang belakang merupakan penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) berjumlah RM 300.00 sebulan.

Seterusnya, lawatan diteruskan ke rumah veteran ATM kedua iaitu Encik Roslan bin Ismail berusia 64 tahun dari Kelewek, Tanah Merah. Veteran yang menghidap sakit darah tinggi dan kencing manis merupakan bekas anggota Batalion 304 Askar Wataniah berpangkat Prebet dan tidak berpencen. Veteran mempunyai tiga (3) orang anak hasil perkongsian hidup bersama isterinya, Puan Nik Hasnah binti Ismail yang mana salah seorang anaknya merupakan Orang Kelainan Upaya (OKU). Beliau yang bekerja kampung merupakan penerima bantuan BSH dan Bina Baru Rumah Veteran ATM.

Lawatan kebajikan kali ini diakhiri dengan mengunjungi Encik Md Kamil bin Abdullah berusia 65 tahun yang mengusahakan perniagaan roti canai di Jalan Jeram Pasu, Pasir Puteh. Beliau merupakan veteran berpangkat Koperal yang pernah berkhidmat dengan Kor Armor Diraja selama 10 tahun serta tidak berpencen. Veteran mempunyai tujuh (7) orang anak hasil perkongsian hidup bersama isterinya, Puan Maizan binti Sa'ari. Veteran merupakan penerima BSH berjumlah RM 300.00 sebulan.

Selain itu, YB Adly turut mengambil peluang mengunjungi usahawan veteran ATM yang berjaya di dalam bidang keusahawanan iaitu Encik Nik Mohd Fahizul bin Nik Muhamad Mustapha berusia 44 tahun yang mengusahakan bengkel kenderaan *pickup truck* 4 x 4 PejoMotor Sport di Melor. Selain bertanya khabar, turut diselitkan penyampaian sumbangan sagu hati dan bakul makanan kepada veteran yang dizarahi serta penyampaian *plaque* penghargaan kepada usahawan yang dilawati.

Pada 13 Julai 2023 (Khamis) yang lalu, YB Timbalan Menteri Pertahanan telah melancarkan Program *Reskilling & Upskilling* Veteran ATM (PRUVET), salah satu usaha Kementerian Pertahanan untuk memartabatkan kerjaya kedua veteran ATM dalam bidang keusahawanan. PRUVET ATM yang dilaksanakan melalui Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT), berperanan sebagai pemudah cara dan penghubung bagi menyalurkan insentif keusahawanan.

PPV pula merupakan antara inisiatif madani Kementerian Pertahanan dalam merealisasikan pelaksanaan dan halatuju Kertas Putih Pertahanan (KPP). PPV akan memastikan kebajikan dan kesejahteraan Veteran ATM terus terbela dan sentiasa terpelihara sejajar dengan jasa bakti dan pengorbanan Veteran ATM terhadap keamanan dan keselamatan negara. Melalui program ini, lebih ramai Veteran ATM yang terkesan dapat disantuni bagi mendengar sebarang luahan mereka secara bersemuka. Kementerian Pertahanan beriltizam untuk terus komited dalam mempertingkatkan lagi siri lawatan kebajikan yang akan datang agar tiada Veteran ATM yang tercicir daripada menerima insentif yang disediakan.

Lawatan YB Timbalan Menteri Pertahanan diakhiri dengan sesi dialog bersama enam belas (16) Persatuan Veteran ATM Negeri Kelantan di warung roti canai Encik Md Kamil bin Abdullah, Pasir Puteh. Pada program tersebut, YB Timbalan Menteri Pertahanan telah turut menyerahkan sumbangan 500 kotak Rahmah kepada Persatuan Veteran ATM Negeri Kelantan untuk diagihkan kepada veteran ATM.

Sebarang pertanyaan berkaitan lawatan boleh hubungi Pegawai Staf 2 Media (Udara), Unit Komunikasi Strategik, Kementerian Pertahanan Malaysia, Mejar Ezrie Hanif bin Yussof TUDM di talian 017-254 0477 atau Timbalan Ketua Unit Komunikasi Korporat JHEV, Encik Muhammad Izzat Siraj bin Mohd Iyas Zainal Ravi di talian 017-965 3755.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia

17 Julai 2023